

0897

U B324 BAH
NEGARA - PENYELIDIKAN

KUALA LUMPUR, 15 APRIL (BERNAMA) -- SEBUAH PUSAT MAKLUMAT SAINTIFIK DAN TEKNOLOGI DIRANCANG PENUBUHANNYA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA UNTUK MEMPERKUKUHKAN USAHA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI SEKTOR INDUSTRI, KATA DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, DENGAN PENUBUHAN PUSAT ITU, SEMUA MAKLUMAT MENGENAI TENAGA SAINTIFIK, AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN KEDUDUKAN TEKNOLOGI PERINDUSTRIAN AKAN DAPAT DIKESANI.

MAKLUMAT-MAKLUMAT ITU PULA DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MENGELAKKAN PERTINDIKANDAN PEMBAZIRAN SERTA MEMPERKEMASKAN AKTIVITI-AKTIVITI PENYELIDIKAN DI NEGARA INI, KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN SEN. ABDUL GHANI OTHMAN DI DEWAN NEGARA HARI INI.

SENATOR ABDUL GHANI MEMINTA PERDANA MENTERI MENYATAKAN LANGKAH KONKRIT YANG DIBUAT UNTUK MENYELARASKAN KEUPAYAAN DAN TENAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI SEKTOR INDUSTRI YANG ADA DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN, SWASTA DAN SETERUSNYA UNIVERSITI-UNIVERSITI SUPAYA DAPAT MEMBERI ARAH TUJUAN, DAN MENGELAKKAN PERTINDIHAN DAN PEMBAZIRAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIRI BERKATA, ANTARA LANGKAH-LANGKAH ITU IALAH MENGADAKAN SATU +DATA BASE+ YANG AKAN DISIAPKAN OLEH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR MENGENAI TENAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI SEKTOR INDUSTRI DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN. -- LAGI
1823MST 15 04 86

0899

U B325 BAH
NEGARA - PENYELIDIKAN 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML), KERAJAAN TELAH MENENTUKAN DARI SEGI PERATURAN JENIS-JENIS PENYELIDIKAN YANG HARUS DIJALANKAN OLEH UNIVERSITI, INSTITUT PENYELIDIKAN KERAJAAN DAN BADAN PENYELIDIKAN SWASTA.

+PIHAK UNIVERSITI DIKEHENDAKI MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PENYELIDIKAN GUNAAN DAN ASAS MANAKALA INSTITUT PENYELIDIKAN KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA AKAN MENUMPUKAN KEPADA PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN DAN GUNAAN,+ KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN SEDANG MENELITI SYOR-SYOR YANG DIKEMUKAKAN DI BAWAH PELAN INDUK PERINDUSTRIAN SAMA ADA HENDAK MEWUJUDKAN INSTITUSI-INSTITUSI BARU ATAU MEMADAI INDUSTRI-INDUSTRI YANG SEDIA ADA DIPERBESARKAN UNTUK MENJALANKAN TUGAS-TUGAS BARU YANG DICADANGKAN.

KEPADA SOALAN TAMBAHAN SEN. TOH MUDA DR.ABDULLAH FADZIL CHE WAN YANG INGIN TAHUN SAMA ADA KERAJAAN BERCADANG MENAMBAH KEPADA PERUNTUKAN SEBANYAK \$400 JUTA YANG DISEDIAKAN UNTUK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) DI BAWAH RML, BELIAU BERKATA ANGKA ITU ADALAH TINGGI.

+BAGI SEBUAH NEGARA YANG MEMBANGUN, ANGKA ITU ADALAH TINGGI DALAM KEADAAN KEKURANGAN PERUNTUKAN. KALAU DIBERI TAMBAHAN TERPAKSA DIKURANGKAN PERUNTUKAN LAIN,+ KATANYA.

+DATA BASE+ YANG AKAN DIADAKAN ITU IALAH UNTUK KEGUNAAN NEGARA TERMASUK JUGA PIHAK SWASTA, KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARI SEN.D. P. VIJENDRAN. -- BERNAMA
1827MST 15 04 86